



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PEMAKLUMAN BERKENAAN KOSMETIK YANG DIKESAN
MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL**

Putrajaya, 24 Ogos 2026

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menggesa orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan kosmetik berikut kerana dikesan mengandungi racun berjadual seperti di bawah:

Bil.	Nama kosmetik	Racun Berjadual Yang Dikesan
1	Remy Laure Soothing Cream	Hydrokuinon

Susulan daripada itu, notifikasi kosmetik terlibat telah dibatalkan oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi, KKM dan tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

PERIHAL BAHAN RACUN BERJADUAL

Bahan racun berjadual hidrokuinon tidak dibenarkan digunakan dalam produk kosmetik di Malaysia. Produk yang mengandungi bahan ini adalah diklasifikasikan sebagai ubat dan perlu didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum boleh dipasarkan.

Ubat yang mengandungi hidrokuinon hanya boleh digunakan atas nasihat dan pemantauan ahli profesional kesihatan. Penggunaan tanpa pengawasan yang sesuai boleh menyebabkan pelbagai kesan sampingan yang tidak diingini, seperti berikut:

Racun Berjadual	Kesan Sampingan
Hidrokuinon	Boleh menyebabkan kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakselesaan, perubahan warna kulit yang tidak diingini, kulit menjadi hipersensitif, boleh menghalang proses pigmentasi (depigmentasi) yang mengurangkan perlindungan kulit daripada pancaran sinar UV merbahaya dan boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

PERINGATAN KEPADA PENJUAL DAN PENGEDAR KOSMETIK INI

Penjual dan pengedar kosmetik ini perlu menghentikan penjualan dan pengedaran kosmetik tersebut dengan serta-merta. **Penjualan dan pengedaran** kosmetik ini adalah melanggar **Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984**.

Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan

hukuman **denda tidak melebihi RM25,000** atau **penjara tidak melebihi 3 tahun** atau **kedua-duanya** untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

PERINGATAN KEPADA ORANG AWAM

Orang awam yang sedang menggunakan kosmetik ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers.

Orang awam digalakkan untuk menyemak status notifikasi sesuatu kosmetik dengan melayari laman sesawang rasmi NPRA www.npra.gov.my.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Melalui:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kesihatan Malaysia**



LAMPIRAN

Nama Kosmetik: Remy Laure Soothing Cream



Nama Kosmetik: Remy Laure Soothing Cream

